

Headline	Kekal kuota haji 22,320 jemaah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	16	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	53 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,223
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,669



## Kekal kuota haji 22,320 jemaah

Kerajaan Arab Saudi memutuskan jumlah kuota haji Malaysia bagi tahun ini adalah kekal seramai 22,320 jemaah.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH) Tan Sri Ismee Ismail berkata, jumlah kuota itu ditetapkan berdasarkan perkiraan pihak berkuasa Arab Saudi yang mengambil kira kepentingan keselamatan jemaah sepanjang musim haji.

"Ini bermakna kuota 22,320 jemaah Malaysia masih kekal sejak tiga tahun lalu dan saya yakin keputusan ini berdasarkan faktor keselamatan dengan keadaan dan kerja pembangunan yang masih berjalan di Masjidilharam.

"Setakat ini pemilihan jemaah haji dilakukan seperti tahun sebelumnya dengan mendahuluikan mereka yang mendaftar awal manakala surat tawaran pusingan pertama juga sudah dihantar kepada mereka yang layak," katanya.